


IQRA'

Bil. 11/2024
NOVEMBER



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

- Shah Alam** : Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
- Melaka** : Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
- Perlis** : Khairil Izwan Hasan
- Sabah** : Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
- Kedah** : Mohd Amiruddin Mohd Nasir
- Pulau Pinang** : Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
- Kelantan** : Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
- Perak** : Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
- Sarawak** : Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
- Pahang** : Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
- Terengganu** : Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
- Johor** : Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
- N. Sembilan** : Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
- Selangor** : Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU : LITERASI MAKLUMAT DAN KEMAHIRAN PENGAKSESAN SUMBER DIGITAL

NOVEMBER 5, 2024



25 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEMBUDAYAAN ILMU

LITERASI MAKLUMAT & KEMAHIRAN PENGAKSESAN SUMBER DIGITAL

📅 5 November 2024 | Selasa

🕒 9.00 pagi hingga 11.00 pagi

📍 Unit Perpustakaan Digital, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

👥 Pelajar Kelas MMC110 1A, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

UITM Universiti Teknologi MARA جامعة ملقا

PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan dari pelajar Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Seramai 21 orang pelajar dari kelas MMC 110 1A, semester Oktober 2024 hingga Februari 2025, turut serta Dr. Nur Shazana Abdul Rani, Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah terlibat dalam lawatan ini. Taklimat perpustakaan disampaikan oleh Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan, dan Puan Nur Atikah Mauzan, Pembantu Pustakawan, di Unit Perpustakaan Digital, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Taklimat bermula 9.00 pagi hingga 11.00 pagi, di Unit Perpustakaan Digital, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

Pelajar telah dibawa melawat ke ruangan SAC dan Aras 1, diiringi oleh Puan Roslinah Harun, Pembantu Pustakawan Tertinggi, Puan Siti Aminah Ismail, Encik Azahar Nordin, Pustakawan Kanan, dan Puan Nur Atikah Mauzan, Pembantu Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.



KEMPEN JOM DERMA DARAH

NOVEMBER 5-6, 2024



PTAR UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah dengan kerjasama Unit Kesihatan, UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah dan Tabung Darah, Hospital Melaka telah menganjurkan Program Kempen Derma Darah, di ruang legar PTAR UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, bermula 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Kempen Derma Darah yang telah dijalankan melibatkan peserta yang terdiri daripada staf dan mahasiswa UITM. Sebanyak 222 beg darah berjaya dikumpulkan dan didermakan. Disamping itu, kempen derma darah ini juga memperlihatkan peranan UITM sebagai institusi yang prihatin dan proaktif dalam menyokong kesejahteraan masyarakat dan negara khususnya dalam menyediakan bekalan darah mencukupi untuk keperluan perubatan dan semasa situasi kecemasan. Setiap titisan darah yang dermakan amat bernilai dan bukan sahaja membantu menyelamatkan nyawa, tetapi juga memberikan harapan kepada mereka yang memerlukan.



LAWATAN KEMBARA ILMU SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN SERI SEMBRONG KLUANG, JOHOR

NOVEMBER 8, 2024

25 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

LAWATAN KEMBARA ILMU

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
SERI SEMBRONG KLUANG, JOHOR

8 November 2024 | Jumaat

9.00 pagi

PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

Perpustakaan
Tun Abdul Razak


Lawatan Kembara Ilmu yang dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Sembrong, Kluang, Johor adalah satu usaha yang sangat penting dalam memupuk minat pelajar sekolah terhadap pendidikan tinggi dan kerjaya masa depan.

Taklimat Selangkah ke UiTM telah disampaikan oleh Encik Mohd Bakri Husain, Pegawai Psikologi Kanan, UiTM Cawangan Melaka di Library Community Engagement (LCE), PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Program diteruskan dengan lawatan sekitar dalam PTAR yang dikendalikan oleh Puan Siti Aminah Ismail dan Puan Aidah Yazid, Pembantu Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Seramai 38 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring yang telah terlibat dalam program ini.




COLLABORATIVE TEACHING: HTM606 & HTM655-DISCUSSION ON HOSPITALITY INDUSTRY CURRENT CHALLENGES OR ISSUES & LEARNING UNIVERSITY'S DATABASE

NOVEMBER 8, 2024



Ringkasan:

Telah diadakan satu sesi perkongsian berkenaan pangkalan data dalam talian perpustakaan kepada 75 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan untuk subjek HTM 606 dan HTM 655 pada 8 November 2024, Jumaat yang lalu. Pengisian sesi didahului oleh panel jemputan dari industri iaitu En, Muhamad Haziq bin Ramlan, Hospitality Specialist dari Berjaya Starbucks Coffee Company Sdn. Bhd., yang membentangkan pengalaman dan pembahagian masa beliau menyiapkan tugas akademik semasa menjalani latihan industri. Beliau juga ialah alumni UTM Cawangan Terengganu. Kemudian program disusuli pula dengan pembentangan oleh Cik Asmahani Abdullah, panel jemputan dari Perpustakaan Cendekiawan, yang memperincikan strategi pencarian maklumat melalui sumber rujukan perpustakaan. Objektif utama program Collaborative Teaching ini adalah untuk memberi panduan kepada para pelajar untuk menyiapkan projek tahun akhir mereka. Platform secara dalam talian digunakan agar membolehkan capaian kepada semua pelajar yang berada di pelbagai lokasi, dan diadakan pada hujung minggu bagi membolehkan semua pelajar hadir mengikuti sesi perkongsian ini.



A TALK OF CYBERBULLYING AWARENESS: BE A BUDDY, NOT A BULLY

NOVEMBER 2, 2024

The poster features a red background with a circuit board pattern. At the top left is a silhouette of a person with a laptop, with a speech bubble containing the word 'AZKA'. The main title 'TALK: CYBERBULLYING AWARENESS' is in large white letters, with the subtitle 'Be a Buddy, Not a Bully' in a cursive font below it. A circular portrait of a man in a suit is on the right. Text on the left provides event details: '10 NOVEMBER 2024 | SUNDAY', '10.00 AM - 12.00 PM', 'SUDUT AZKA @ LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT (LCE) PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN, UTM CAWANGAN TERENGGANU', and 'TS. DR. MOHD TALMIZIE AMRON, HEAD OF STUDY CENTRE, COLLEGE OF COMPUTING, INFORMATICS AND MATHEMATICS, UTM CAWANGAN TERENGGANU'. Logos for '25th Anniversary' and 'AZKA-PPZ' are at the top. Logos for 'K.A.A. KUTUBIAH Cawangan Terengganu', 'Pusat Sains Islam (PSI) UTM', and 'Pusat Penyelidikan dan Pengajian Terengganu' are at the bottom left. The bottom right has 'Perkongsian Bersama Masyarakat Melayu' and 'UtM' logos.

Masa: 10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Tempat: Sudut AZKA@ Library Community Engagement, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun

Objektif program:

- Memberikan pemahaman kepada pelajar mengenai definisi dan bentuk-bentuk buli siber yang kerap berlaku.
- Menyedarkan pelajar tentang kesan negatif buli siber terhadap mangsa, termasuk aspek psikologi, emosi, dan sosial.
- Mendidik pelajar mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk melindungi diri dari buli siber serta cara melaporkan kes buli yang berlaku.
- Menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih beretika dalam talian dan mengelakkan sebarang bentuk buli siber.



PROGRAM SEMARAK JAWI UTM CAWANGAN TERENGGANU

NOVEMBER 12, 2024

25th Anniversary of Universiti Teknologi MARA

Program Semarak Jawi

Program Semarak Jawi

UITM CAWANGAN TERENGGANU

12 NOVEMBER 2024, SELASA | PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
8.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI | UITM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS DUNGUN

SEMUA DIJEMPUT HADIR

PENGISIAN:

- MODUL PENGENALAN JAWI
- HUKUM RODA
- KUJIZ BUJAK JAWI
- KAHOOT JAWI
- WARI MENGEJA JAWI

Organisasi: Perpustakaan Cendekiawan UTM Cawangan Terengganu

Dengan Kerjasama: Pusat Tuisyen Al-Fateh Mumtaz Dungun

Sekolah Kebangsaan Batu 7 Dungun

Perpustakaan Cendekiawan UTM Cawangan Terengganu

Program Semarak Jawi UTM Cawangan Terengganu yang diadakan pada 12 November 2024 bertempat di Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun ini merupakan satu inisiatif bersepadu untuk menggalakkan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan peserta. Program ini berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari, melibatkan penyertaan pelajar dari UTM Cawangan Terengganu, dan pelajar dari SK Batu 7, Dungun. Manakala tenaga pengajar yang terlibat untuk melaksanakan program ini adalah guru-guru KAFA terlatih dari Pusat Tuisyen Al-Fateh Mumtaz Cawangan Dungun, dan dibantu oleh kakitangan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun.



'NETWORKING SESSION' PROGRAM ALUMNI INSIGHTS: DARI KACAMATA KEHAKIMAN & PANDANGAN TERHADAP BANTUAN GUAMAN DI PTAR UNDANG-UNDANG (PTUU)

NOVEMBER 9, 2024



PTAR Undang-Undang (PTUU) amat berbesar hati menerima tetamu khas terdiri daripada Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, pakar perundangan dan Yayasan Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim bersempena program "Alumni Insights: Dari Kacamata Kehakiman & Pandangan Terhadap Bantuan Guaman". Program yang dianjurkan oleh Yayasan Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim dan Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam ini berlangsung dari jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari dengan menampilkan beberapa orang panel Yang Arif Hakim dan pakar perundangan yang merupakan alumni UiTM.



RUANG 3R DI GESTURZ: PERBINCANGAN SIRI KEDUA

NOVEMBER 7, 2024



Perbincangan lanjut PTAR bersama Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) untuk mewujudkan ruang bertemakan 3R (Royal, Race, Religion) di GESTURZ telah diadakan pada Khamis jam 2:15 petang.

Seramai 8 orang terlibat dalam membincangkan cadangan susun atur ruang, fungsi dan keperluan peralatan dengan PTAR diketuai oleh Ketua Unit Korporat dan Kolaborasi Puan Shahidatul Akhmam Rambeli manakala IMPAK diketuai oleh Pengarah IMPAK Dr. Khairudin Murad.

Sebelum perbincangan berakhir jam 4:00 petang, kertas cadangan penubuhan ruang 3R oleh IMPAK telah dikongsikan dengan PTAR untuk penelitian lanjut.



ISTIADAT PEMASYHURAN CANSOLOR UITM KE-7

NOVEMBER 13, 2024



Istiadat konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) kali ke-100 membuka tirainya bermula dengan Istiadat pemasyhuran Canselor UiTM ke-7 Kebawah Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Menteri Pendidikan Tinggi YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir telah membaca dan mempersembahkan watak pemasyhuran seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 19A (2) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) menyatakan bahawa Canselor ialah Yang di-Pertuan Agong.

Dibawah akta yang sama, KDYMM Yang di-Pertuan Agong hendaklah mempengerusikan konvokesyen universiti seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 19A(1).

Turut berangkat hadir ke dalam istiadat ini ialah Pro-Canselor UiTM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin serta Naib Canselor UiTM Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib.



KALIGRAFI KHAT SUMBANGAN PENGASAS SHAH TUMIN ART GALLERY DITEMPATKAN DI PTAR

NOVEMBER 13, 2024



Penyerahan kaligrafi khat yang tertera kalimah Allah telah berlangsung sewaktu Majlis Penyerahan Cenderamata dan Sesi Fotografi Alumni Jemputan (Sidang Pertama) yang diadakan di lobi Dewan Agung Tuanku Canselor pada jam 12:00 tengah hari.

Majlis yang diadakan sejeurus selesai Istiadat Pemasyhuran Canselor UiTM ke-7 bertujuan untuk menghargai sumbangan alumni UiTM disamping meraikan pencapaian tertinggi mereka dalam bidang masing-masing.

YBhg Naib Canselor UiTM Profesor Dr. Shahrin Shahib telah sudi menerima kaligrafi tersebut daripada Encik Mohd Shah atau lebih dikenali sebagai Shahtumin.

Terdahulu, Shahtumin Alumni UiTM tahun 2007 telah berbesar hati terpilih bersama 18 orang alumni yang lain menghadiri Istiadat Pemasyhuran Canselor UiTM ke-7 sempena Istiadat Konvokesyen UiTM ke-100.



SYABAS & TAHNIAH KEPADA KUMPULAN C-LITE UITM CAWANGAN MELAKA

NOVEMBER 10-12, 2024



PTAR UITM Cawangan Melaka telah mewakili UITM Cawangan Melaka iaitu Kumpulan C-Lite dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UITM 2024 yang telah dijalankan di Dewan Perdana, UITM Cawangan Kedah. Kumpulan C-Lite telah diwakili oleh staf PTAR UITM Cawangan Melaka seperti berikut:

1. Encik Ahmad Nazri bin Jaafar (Fasilitator)
2. Cik Ilya Nur Fateen binti Othman (Ketua Kumpulan)
3. Puan Nor Roszaimi bin Yaalam (Setiausaha)
4. Encik Jonizam bin Abu Kasim (Bendahari)
5. Encik Abdul Azim bin Ab. Ghani (Ahli)
6. Encik Mohd Azali bin Talib (Ahli)
7. Encik Muhamad Asri bin Abu Hashim (Ahli)
8. Encik Mohammed Zahari bin Zubir (Ahli)
9. Encik Muhammad Izwan bin Ibrahim (Ahli)



BENGKEL LITERASI MAKLUMAT BERSAMA PENGAWAS PSS SK BATU 48, DUNGUN

NOVEMBER 28, 2024



Bengkel Literasi Maklumat: Teknik Bacaan Pantas telah berlangsung dengan jayanya di Sekolah Kebangsaan Batu 48 bersempena program School Attack: Eco Wonderfest & Info Literacy. Bengkel ini diadakan dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dengan penyertaan seramai 43 orang Pengawas Pusat Sumber dari sekolah tersebut, diiringi oleh dua orang guru pengiring yang turut hadir bersama di sepanjang bengkel berlangsung.

Program ini merupakan inisiatif kerjasama antara Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, dan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun. Matlamat utama bengkel ini adalah untuk memperkenalkan teknik bacaan pantas kepada pelajar, sekaligus meningkatkan literasi maklumat mereka dan memupuk minat membaca di kalangan pelajar.



PTAR OPEN DAY 2024

NOVEMBER 5-7, 2024

PTAR OPEN DAY
5-7 NOV 2024
9.00 pagi - 4.30 petang
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
UITM Cawangan Pulau Pinang

SEMUA DIJEMPUT HADIR
E-MERIT & JAM LATIHAN DISEDIAKAN

Urutan Pameran & Jualan **Big** Jualan Rahmah Kasih Sayang 2.0 (Aeon Big)
Sesi Perkongsian Ilmu Karnival Keusahawanan MASMED & MPP
Urutan Fiso Derma Darah eSport

Sila imbas aturcana majlis di sini

UITM Cawangan Pulau Pinang | اوسها، نظوي، موليا | g0300 ptaruitmcpp

URBAN REPUBLIC | **Serika** | **celcomdigi** | **Digital Penang** | **MustRead** | **MASMED** | **MPP** | **Big** | **EMERIT**

PTAR Open Day 2024 yang berlangsung dari 5 hingga 7 November 2024 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan mencatatkan kehadiran lebih 2500 pengunjung. Program ini dianjurkan bersama oleh PTAR UITM Cawangan Pulau Pinang (UITM CPP) Kampus Permatang Pauh dan Kelab Briged Sukarelawan Perpustakaan dengan kerjasama Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UITM CPP, MASMED dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UITM CPP.

Program yang bermula pada 5 November 2024, dimulakan dengan acara Hari Terbuka Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (UZSW) UITM Cawangan Pulau Pinang, penyerahan sumbangan kecemerlangan akademik pelajar asnaf sesi Mac - Ogos 2024 serta perasmian dapur UZSW FoodBank : Emergency Foodpack.



RAKAMAN PROGRAM TEMU BUAL BERSAMA TAN SRI SAHOL HAMID

NOVEMBER 14-28, 2024



Rakaman program bersama Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Insinyur Doktor Sahol Hamid Abu Bakar telah berlangsung dengan jayanya pada jam 3 petang hari Isnin.

Berbekalkan pengalaman selama 15 tahun sebagai Naib Canselor UITM ke-3, YBhg. Tan Sri Sahol telah berkongsi ilmu dan pengetahuan beliau mengenai hala tuju UITM.

Kehadiran beliau di Perpustakaan Tun Abdul Razak telah disambut mesra oleh Ketua Pustakawan UITM Ts Haji Azizi bin Haji Jantan.

Rakaman program temubual bersama bekas Naib Canselor UITM adalah anjuran Pejabat Transformasi Universiti dan telah dihoskan oleh Profesor Ts Dr Hajah Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategik) UITM.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my